



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>TEORI SENIBINA 1</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DSB 1052</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>APRIL 2015</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA(3)** bahagian:  
**BAHAGIAN A (10 Markah)**  
**BAHAGIAN B (10 Markah)**  
**BAHAGIAN C (80 Markah)**
2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**. Jawab **EMPAT (4)** soalan dari **BAHAGIAN C**.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 6 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN**



**BAHAGIAN A (10 MARKAH)****JAWAB SEMUA SOALAN DALAM KERTAS JAWAPAN**

1. Seni Bina Romanesque adalah kesinambungan dari seni bina \_\_\_\_\_  
A. Rom  
B. Greek  
C. Gothic  
D. Awal Kristian
  
2. Fungsi *Piers* dalam Senibina Romanesque adalah sebagai \_\_\_\_\_.  
A. Perhiasan  
B. Penyokong kubah  
C. Struktur utama bangunan  
D. Pengikat dua gerbang besar
  
3. Pilih kenyataan yang **BENAR** mengenai binaan menara semasa era Seni Bina Romanesque  
A. Menaranya berbentuk runcing  
B. Saiz menara kecil dan memanjang  
C. Menara menggunakan bentuk geometri  
D. Menara dibina di bahagian belakang bangunan
  
4. Ciri *Nave* dalam geraja semasa zaman Romanesque adalah  
A. Luas dan cerah  
B. Bulat dan rendah  
C. Tinggi dan sempit  
D. Lebar dan memanjang
  
5. Elemen di bawah ini ada hubungan dengan seni bina Gothic **KECUALI**:  
A. Simetri  
B. Pendentif  
C. Vault kipas  
D. Tingkap Ros


6. *Berfungsi sebagai salur air hujan  
Diperlukan untuk melindungi gereja*

- A. Metope
- B. Lunette
- C. Buttress
- D. Gargoyles

7. Kenyataan berikut adalah **BENAR** mengenai Seni Bina Gothic.

- A. Gerejanya digelar Katedral
- B. Gerejanya berbentuk bulat
- C. Gereja direka bentuk oleh tukang kayu
- D. Gerejanya banyak menggunakan struktur *Vault Barrel*

8. Rajah 1 di bawah menunjukkan elemen \_\_\_\_\_ dalam Seni Bina Gothic.



Rajah 1

- A. Aisle
- B. Vault
- C. Vault bersilang
- D. Pointed arch

9. Berikut adalah Arkitek terkenal semasa era Seni Bina Renaissance **KECUALI**

- A. Bramante
- B. Lorenzo
- C. Justinian
- D. Michaelangelo

10. Aspek kesenian dalam Seni Bina Baroque banyak dipengaruhi oleh

- A. Agama
- B. Tentera
- C. Pertanian
- D. Kemanusiaan

**BAHAGIAN B (10 MARKAH)****JAWAB SEMUA SOALAN**

1. a. Lakarkan setiap elemen seni bina yang disenaraikan di bawah:

- i. Stupa di India
- ii. Stambha di India
- iii. Buttress era Romanesque
- iv. Vault tetulang era Romanesque
- v. Tingkap Ros semasa era Gothic

(10 markah)

---

**BAHAGIAN C (80 MARKAH)****JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA**

1.a. Nyatakan **SATU (1)** ciri bagi setiap elemen/binaan yang disenaraikan di bawah:

- i. Kaca berwarna dalam Seni Bina Gothic
- ii. Stupa dalam Seni Bina India
- iii. Clerestory dalam Senibina Romanesque
- iv. Tingkap Ros dalam Senibina Renaissance

(8 markah)

b. Senaraikan **EMPAT (4)** ciri-ciri am Senibina Renaissance.

(4 markah)

c. Terangkan dengan ringkas **EMPAT (4)** ciri Istana Rucellai yang terkenal di zaman Seni Bina Renaissance.

(8 markah)

2. a. Terangkan dengan ringkas berkenaan dengan konsep Vertikal/Menegak dalam hampir kesemua binaan/bangunan dalam Seni Bina Gothic  
(6 markah)
- b. Terangkan dengan ringkas **TIGA (3)** ciri Senibina Rococo.  
(6 markah)
- c. Berikan **EMPAT (4)** perbezaan antara ciri Seni Bina Renaissance dan Baroque  
(8 markah)
3. a. Senaraikan **EMPAT (4)** jenis bahan binaan dalam Seni Bina Jepun.  
(4 markah)
- b. Terangkan dengan ringkas **EMPAT (4)** ciri elemen tiang dalam Senibina Jepun.  
(8 markah)
- c. Terangkan dengan ringkas **EMPAT (4)** ciri kediaman/rumah dalam Seni Bina Jepun.  
(8 markah)
4. a. Terangkan dengan ringkas **DUA (2)** ciri sistem “Tou-kung” pada struktur. bumbung dalam Seni Bina China.  
(4 markah)
- b. Lakarkan **EMPAT (4)** jenis bumbung yang wujud dalam Seni Bina China.  
(8 markah)
- c. a. Terangkan dengan ringkas **DUA (2)** ciri am Seni Bina Hindu.  
(4 markah)
- b. Lakarkan binaan berikut dalam Seni Bina Hindu.
- i. Gopuram
  - ii. Lad Khan
- (4 markah)

5. a. Senaraikan **EMPAT (4)** jenis hiasan dalam Seni Bina Islam.

(4 markah)

b. Terangkan dengan ringkas konsep **PAKSI** dalam Senibina Islam.

(8 markah)

c. Terangkan dengan ringkas **EMPAT (4)** kepentingan Masjid dalam Islam.

(8 markah)

**-KERTAS SOALAN TAMAT-**

